

Lelaki bantu lupus harta curi dipenjara dan didenda

MIRI: Seorang lelaki di-jatuhi hukuman penjara satu minggu dan denda RM500 atau satu minggu penjara oleh Mahkamah Majistret semalam kerana kesalahan membantu melupuskan harta curi.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Sandy Yvette

Freddy setelah tertuduh Mohammad Supardee Mohamad mengaku bersalah atas tuduhan yang dibacakan ter-hadapnya mengikut Seksyen 414 Kanun Keseksaan.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara hingga tujuh tahun atau denda atau

kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati dengan sengaja telah membantu me-lupuskan harta curi iaitu satu unit pam pancutan air dan satu unit tangga aluminium kepunyaan Khalid Abdul Manap.

Supardee, 38, dari Taman Desa Senadin di sini didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 7.30 malam, 23 Nove-ber lalu di sebuah lot di Tudan Desaras Fasa 6 di sini.

Pendakwaan dilakukan ASP Mary Ong, manakala tertuduh tidak diwakili peg-uam bela.